



buletin **salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU



1

SYAWAL

RAIKAN KEMENANGAN
SALAM KEMAAFAN

SALAM DIHULUR MAAF DIPINTA | SALAM KEMAAFAN
MOGA TERLERAI SEGALA DOSA | DIIRINGI SALAM KERINDUAN

**MEI
2022**



SIDANG REDAKSI SALAM

PENASIHAT

Puan Norliza binti Ismail

KETUA PENGARANG

Puan Rohana binti Ismail

PENOLONG KETUA PENGARANG

Encik Mohd Kamal Afif bin Rameli

Encik Mazli bin Che Mamat

SIDANG PENGARANG

Sidang Redaksi Salam

GRAFIK

Encik Mazli bin Che Mamat

Encik Mohd Fauzillah bin Md. Jaafar

FOTOGRAFI

Unit Media PPAT

PENERBIT

Sidang Redaksi SALAM

Perbadanan Perpustakaan Awam

Terengganu

Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu,
Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu.


Tel : 09-622 1100

09-622 0052

Fax : 09-622 1534

E-mel : ppat@trglib.gov.my

URL : <https://www.trglib.gov.my>



www.trglib.gov.my



PPATerengganu



@PPATerengganu



PPAT TV


© 2022 Hak Cipta Terpelihara
Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan,
ulangan, disimpan dalam sistem dapat kembali atau
disiarkan dalam apa-apa jua perkara samada secara
elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain
sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarang.

HARI RAYA AIDILFITRI 2022

Pada tahun ini, seluruh umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan suasana yang amat meriah setelah 2 tahun beraya dalam suasana PKP. Hari Raya Aidilfitri adalah perayaan penting yang diraikan oleh seluruh umat Islam. Mereka mengucapkan syukur, bertakbir dan sesudah itu ziarah-menziarahi jiran tetangga serta bermaaf-maafan sesama ahli keluarga dan rakan-rakan.

Hari Raya Aidilfitri dalam Bahasa Arab adalah *Eid al-Fitr* (perayaan fitrah) merupakan hari raya umat Islam di seluruh dunia tidak mengira bangsa sama ada Melayu, Cina, India dan mana-mana kaum bagi menandakan berakhirnya bulan suci Ramadan. Dalam kalangan masyarakat Malaysia perayaan ini lebih dikenali sebagai Hari Raya Puasa, Hari Raya Fitrah dan Hari Lebaran.

Terdapat beberapa amalan-amalan mulia yang lazimnya berlaku sepanjang bulan Ramadan dan semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri seperti membayar Zakat Fitrah, bertakbir dan bermaaf-maafan. Umat Islam diwajibkan membayar zakat fitrah bagi membolehkan derma itu dikongsi bersama mereka yang memerlukan bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri. Perayaan ini mengajar kita berkongsi makanan dengan orang yang tidak berkemampuan dan mencukupkan keperluan dan permintaan mereka pada Hari Raya Aidilfitri, 1 Syawal bulan Hijrah.



Bertakbir memuji kebesaran Tuhan sebagai tanda terima kasih dan syukur dengan keizinan yang diberikan. Umat Islam bertakbir bagi meraikan kemenangan dan mengagungkan Tuhan setelah berjaya mengharungi ibadah puasa selama sebulan.

Kanak-kanak adalah kelompok yang paling gembira dengan kehadiran Hari Raya Aidilfitri ini. Memakai baju baharu dan wangi-wangian turut menampakkan lagi kemeriahan sambutan Hari Raya. Umat Islam disunatkan mandi pada pagi hari raya dan berhias berbanding hari biasa sebagai tanda bersyukur serta meraikan hari kemenangan.

Kepulangan anak-anak dan saudara dari jauh dan dekat menjadikan suasana sambutan lebih meriah dan bermakna.



Anugerah Pekerja Bulanan MEI 2022




MUHAMMAD FAZLIZAN
BIN ABD GHANI
Pembantu Pustakawan S22
Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan
dan Maklumat



ZAKARIA BIN ABU BAKAR
Pemandu Kenderaan H16
Bahagian Khidmat Pengurusan

ulasan BUKU



Sinopsis

Title : The Space Book: From the Beginning to the End of Time, 250 Milestones in the History of Space & Astronomy
Author : Dr. Jim Bell
Publisher : Sterling Publishing, New York
ISBN : 9781454929390
Price : RM 153.99
Pages : 527
Year : 2018

Where did our moon come from?
Are there earth-like planets around other stars?
What is light pollution?

There are just a few of the thought-provoking questions addressed in this revised and updated edition of The Space Book. Planetary Society president Jim Bell takes you on a fascinating chronological tour of the cosmos through 250 milestones. These entries include the most exciting and newsworthy recent milestones in space exploration, from the groundbreaking discovery of the TRAPPIST-1 system to the emissions and technologies of the future.

Along with odd and perplexing marvels like the prehistoric astronomical monument of Stonehenge and black holes, this timeline covers the extinction of the dinosaurs, the discovery of Saturn's rings, Halley's Comet, solar flares, liquid-fueled rocketry, Sputnik 1, the Voyager "Grand Tour", the radar mapping of Venus by Magellan, and the demotion of Pluto as a planet. New additions include recent developments in the radio astronomy, the world's first interplanetary solar sail mission, the 2017 North American solar eclipse, a new planned lander to Mars and more. Brilliant and intrepid scientists who influenced the course of astronomy and space exploration are also featured, such as Ptolemy, Aryabhata, Nicolaus Copernicus, Galileo Galilei, Giovanni Cassini, Stephen Hawking and Carl Sagan.


Chronologically organized, each entry consists of a short summary and one or more stunning full-color images, while the "Notes and Further Reading" section provides resources for more in-depth study. The Space Book is an engaging look at the milestones that have characterized this exciting field over the course of time.

Notes: This book is available at Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu.

HILMI RINDU

MAKLUMAT DIRI

Mohd bin Abdullah
Dilahirkan pada 1 April 1957
Berasal dari Kampung kijal
Kemaman, Terengganu



KARYA YANG DIHASILKAN

- * Penternak Lebah
- * Yang Jauh Dan Dekat
- * Dusun Kemesraan
- * Suci Dalam Debu
- * Si Karah
- * Persimpangan Kasih
- * Menuai Mimpi
- * Penyair
- * Mawar Merah
- * Terasing
- Dan Sebagainya

ANUGERAH

- * Pingat Jasa Kebaktian
- * Hadiah Sastera Utusan Melayu Public Bank
- * Hadiah Puisi MAYC Kebangsaan
- * sasterawan Harapan Negeri Terengganu
- * Hadiah Penulis Produktif PELITA
- * Hadiah Cekal Sastera Darul Iman Dan Sebagainya

sorotan

Bengkel Mewarna Bersama Uneh @ Raja Pensel Warna Malaysia yang merupakan seorang kartunis terkenal Malaysia. Seramai 85 peserta kanak-kanak telah mengambil bahagian dalam mempelajari teknik-teknik mewarna yang betul pada 21 Mei 2022.



Kunjungan hormat dan perbincangan kerjasama berkaitan Pendigitan Manuskrip antara Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam (INSPIRE), UniSZA dan PPAT pada 19 Mei 2022.



sorotan

PAMERAN DAN AKTIVITI SEMPENA PELANCARAN NILAM, KEMPEN GALAKAN MEMBACA DAN MINGGU BAHASA PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' ENGU BIJAYA SURA, PAKA, TERENGGANU 2022

'NILAM' atau Nadi Ilmu Amalan Membaca merupakan penggabungan atau adunan semua aktiviti galakan membaca yang pernah dijalankan di sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai. Pelaksanaan program ini meliputi penilaian pembacaan yang berterusan sepanjang tahun.

Sehubungan dengan itu, pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Engku Bijaya Sura, Paka, Terengganu telah menganjurkan Program NILAM Peringkat Sekolah pada 22 Mei 2022 dalam usaha untuk membina tabiat membaca dalam kalangan murid serta menggalakkan mereka agar terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca.

Wakil dari Perpustakaan Awam Daerah Dungun turut diundang ke majlis tersebut bagi merasmikan pelancaran NILAM dan Kempen Galakan Membaca serta Minggu Bahasa Peringkat Sekolah 2022. Kesempatan ini telah digunakan sebaiknya oleh pihak perpustakaan dalam memperkenalkan perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan. Selain itu, pihak perpustakaan turut mengadakan aktiviti sampingan yang bersesuaian kepada para pelajar sekolah. Satu kaunter pendaftaran ahli Perpustakaan Awam Daerah Dungun turut dibuka bagi mempertingkatkan keahlilan.

Kepelbagaiannya jenis bahan bacaan yang terdapat di Perpustakaan Awam Daerah Dungun dan Sekolah diharapkan dapat melestarikan budaya membaca dalam kalangan pelajar.



KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN SEKOLAH KEBANGSAAN TENGKAWAN, HULU TERENGGANU

Perpustakaan Awam Daerah Hulu Terengganu telah menerima jemputan dari Sekolah Kebangsaan Tengkawan untuk mengadakan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan pada 30 Mei 2022. Jemputan ini adalah bagi memenuhi satu slot yang diberikan oleh pihak pengurusan sekolah bersempena dengan Majlis Pelancaran dan Penutup Bulan Membaca Peringkat Negeri Terengganu. Seramai 25 orang pelajar yang terdiri daripada pengawas Pusat Sumber Sekolah dan 5 orang guru Pusat Sumber. Majlis Perasmian Penutup kursus telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Sabri bin Abu Bakar, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Tengkawan.



sorotan

KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Pada 17 Mei 2022, Bahagian Pengurusan & Pembangunan Koleksi telah menganjurkan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan. Seramai 20 orang pelajar bersama 3 orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Agama Mahmudiah telah mengikuti kursus tersebut. Antara modul yang diajar dalam kursus ini ialah tatacara kerja sebagai pengawas pusat sumber sekolah, perolehan sumber perpustakaan, mengkatalog, mengelas dan proses teknik.

Para peserta turut diberi latihan dan kuiz untuk memberi lebih pemahaman tentang proses mengkatalog bahan. Di akhir kursus, diadakan juga orientasi perpustakaan bagi mendedahkan para peserta kepada perkhidmatan PPAT.



REFRESHER COURSE

Pada 23 Mei 2022, Bahagian Pengurusan & Pembangunan Koleksi telah mengadakan 'Refresher Course': Pengorganisasian Sumber Perpustakaan dan latihan penggunaan Library of Congress Subject Heading Online (LCSH) untuk memantapkan lagi kerja-kerja pembantu pustakawan yang mengkatalog sumber perpustakaan di PPAT.

Kursus ini dikendalikan oleh Ketua Unit Pendokumentasian & Teknikal, En. Zulfakar b. Elias dan penolong pustakawan, Pn. Nazimah bt. Mamat melibatkan 8 orang pembantu pustakawan.



'REFRESHER COURSE':
PENGORGANISASIAN SUMBER PERPUSTAKAAN DAN LATIHAN PENGGUNAAN LCSH ONLINE



MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI DAN SAMBUTAN HARI KELUARGA PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU 1443H / 2022

28 Mei 2022 (Sabtu) – Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Perpustakaan Awam Negeri Terengganu (PPAT) tahun 2022 telah berlangsung di perkarangan PPAT. Selepas dua tahun tidak diadakan akibat *Pandemic Covid-19*, kali ini PPAT kembali dengan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri. Penganjuran kali ini adalah bertujuan untuk mengerakkan silaturahim di kalangan kakitangan serta ahli keluarga.

Berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya, majlis pada tahun ini diadakan bersama-sama dengan Sambutan Hari Keluarga PPAT. Seramai 180 kakitangan bersama-sama ahli keluarga telah hadir menyerikan majlis. Program ini telah berlangsung bermula jam 9.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang dengan pelbagai pengisian menarik.

Majlis diserikan dengan kehadiran Y.B. Ustaz Ridzuan bin Hashim, Pengurus PPAT dan Pengarah PPAT. Majlis dimulakan dengan Majlis Temu Mesra di Dewan Serbaguna, PPAT. Y.B. Pengurus menzahirkan rasa kesyukuran dan berterima kasih kepada semua barisan jawatankuasa dan staf yang telah memberi komitmen seta kerjasama dalam menjayakan majlis jamuan hari raya dengan kemeriah dan gembira.

Majlis kali ini yang diadakan bersama-sama dengan Hari Keluarga PPAT turut mengadakan pelbagai pertandingan dan sukaneka yang menarik seperti *Bowling Duit Raya*, *Ping Pong Cup Raya*, *Dart Raya*, Menganyam Ketupat dan Acara Sukaneka Pakaian Raya Epik.



sorotan



trivia

ELAK PEMBAZIRAN MENJELANG AIDILFITRI

Firman Allah Subhanahu Watdala dalam Surah Al Isra ayat 26-27 : "...Dan Janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu saudara-saudara syaitan, sedang syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhanmu."



Fatimah sufiah binti hasli

Melayu

Perempuan

17 tahun

Text : Setiap individu semestinya amat menantikan perayaan aidilfitri pada tahun ini. Setelah 2 tahun tidak dapat merayakan hari raya seperti sebelumnya, semestinya banyak kelengkapan rumah seperti langskip, kerusi dan meja akan ditukar. Penyediaan makanan juga semestinya menjadi

Afifah binti husin

Melayu

Perempuan

30 tahun

Text : tahun 2022 merupakan tahun yang amat mengembirakan bagi seluruh rakyat Malaysia yang akan menyambut Aidilfitri. Tiada lagi 'Stay At Home' seperti sebelumnya. Walaupun begitu, masyarakat perlu sentiasa berjaga-jaga dan mengingati sesama kita dalam menjaga penjarakan. Penyediaan makanan semasa perayaan merupakan perkara yang selalu kita lupa sehingga menyebabkan pembaziran. Perasaan gembira menyambut hari raya tidak sepatusnya mengarah kepada pembaziran penyediaan kelengkapan dan makanan. Moga perayaan yang disambut dapat menjadi sesuatu yang sangat bermakna dengan mengamalkan penjimatkan selepas melepas Ramadhan.

Wan fatimah binti wan mohammad

Melayu

Perempuan

26 tahun

Text : perayaan Aidilfitri pada tahun ini dilihat amat menyeronokkan bagi sesetengah golongan. Pada masa yang sama, banyak pembaziran yang boleh dielakkan dapat dilihat seperti dalam penyediaan kelengkapan rumah dan makanan. Kesan daripada pembaziran ini bukan sahaja menjaskan sumberkewangan, malah ianya juga akan mengganggu kepada sumber bekalan mentah dipasaran. Perayaan ini lebih elok sekiranya dapat dirayakan secara sederhana.



Terkadang hidup tak selalu indah
namun kita tetap lakarkan kanvas
kehidupan dengan penuh warna-warni
agar sentiasa bahagia apabila dipandang
walau sulit untuk ditelan...

**buletin
salam**

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM TERENGGANU

www.trglib.gov.my

PERBADANAN PERPUSTAKAAN
AWAM TERENGGANU

Jalan Kemajuan, Padang Hiliran,
21572 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman

© 2022 Hak Cipta Terpelihara

